

Anugerah emas milik Mas Nida

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

SEPADANG - Malam Mutiara Gemilang Kolej Keenam menjadi kenangan manis buat Mas Nida Md. Khambari, penuntut Bachelo Pendidikan Teknologi Maklumat sebagai penerima Anugerah Emas yang menjadi rebutan semua warga kolej Keenam setiap tahun. Namanya juga diumumkan sebagai penerima Anugerah Siswi Terbaik.

Amiruddin Moxin dan Norfadlihaslini Mohd Nor pula dipilih sebagai Olahragawan dan Olahragawati. Diikuti, Priscilla Moses dan Muhammad Aysraf Ibrahim penerima Anugerah Siswa/Siswi Terbaik Akademik.

Sepuluh pelajar dipilih sebagai penerima Anugrah Khas Pengetua dan

Penghargaan khas diberikan kepada mantan pengurus kolej.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abd. Latif Ahmad berkata, majlis seperti ini dapat menyorot kembali perjuangan dalam menimba ilmu pengetahuan dan dapat menyuntik semangat untuk terus berusaha membina kehidupan lebih berkualiti.

"Dengan azam yang tinggi dan semangat kukuh, kejayaan akan dicapai. Semoga perjuangan anda berterusan dan anda terus menjadi pemangkin kepada masyarakat yang memerlukan suntikan formula perubahan dalam pelbagai aspek dan saya yakin anda semua mampu melakukannya," pesan Pengetua Kolej Keenam, Prof. Madya Dr Che Roos Saad.



Detik penuh makna. Mas Hida menerima piala daripada Datuk Dr. Abd. Latif Ahmad.